

# Pelajaran AMALAN ISLAM SEHARIAN



مجلس اڪام اسلام دان عاده استعادة ملايو كلنتن  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN



Penerbitan Percuma Bilangan (61)

**Pelajaran**  
**AMALAN ISLAM**  
**SEHARIAN**

*Disemak Oleh:*  
Pegawai Penerbitan  
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Dikeluarkan oleh:  
**Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,**  
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-7481512  
Faks: 09-7485512  
Portal Rasmi: [www.e-maik.my](http://www.e-maik.my)  
Email: [maik@e-maik.my](mailto:maik@e-maik.my)

Cetakan Pertama	1985
Cetakan Kedua	1989
Cetakan Ketiga	2017 (edisi kemaskini)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memperbanyak, menerbit atau mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, tanpa izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Kelantan dan atau daripada penulisnya.  
.Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium

ISBN: 978-983-2391-34-0

Dicetak oleh:  
**PERCETAKAN UNI PRESS**  
Lot 104, Jalan Pencawang TNB Lundang,  
Off Jalan Sultan Yahya Petra, 15150 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-743 4924 Faks: 09-743 4925 H/P: 017-958 7797  
E-mel: [unipress79@gmail.com](mailto:unipress79@gmail.com) / [uni\\_press@yahoo.com](mailto:uni_press@yahoo.com)



## SEPATAH KATA

---

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, seluruh ahli keluarga Baginda, para sahabat dan seluruh pendukung agama Allah SWT Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan kasih sayangNYA jua, buku Pelajaran Amalan Islam Sehari dapat di ulang terbit dengan jayanya. Istimewanya pada edisi kali ini, buku ini diterbitkan dalam bentuk bacaan rumi yang mana lebih mudah untuk dibaca dan difahami khususnya bagi kanak-kanak.

Penerbitan buku ini mengenengahkan pelajaran amalan harian dalam konsep tauhid dan ibadah yang mana setiap individu muslim itu wajib mempelajarinya. Di dalam buku ini disertakan juga gambar-gambar yang menarik sebagai panduan dan memudahkan para ibu bapa atau guru-guru untuk memberi pelajaran kepada anak atau murid mereka.

Dengan terbitnya buku ini, diharapkan pembaca dapat memahami konsep yang cuba disampaikan seterusnya dapat menghayati serta mempraktikkannya dengan baik dan sempurna untuk mendapat keberkatan Allah di dunia dan di akhirat.

Pegawai Penerbitan  
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan  
April 2017

## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
SEPATAH KATA	v
BAHAGIAN TAUHID	
<b>Pengenalan Islam</b>	<b>1</b>
• Rukun Islam Lima Perkara	1
<b>Pengenalan Iman</b>	<b>1</b>
• Rukun Iman Enam Perkara	2
<b>Percaya Kepada Allah</b>	<b>2</b>
• Sifat-sifat Yang Wajib Ada Pada Tuhan	2
• Sifat-sifat Yang Mustahil Pada Tuhan	5
• Sifat Harus Bagi Tuhan	5
<b>Percaya Kepada Rasul-rasul Allah</b>	<b>6</b>
• Sifat-sifat yang Wajib/Pasti Ada Pada Rasul	6
• Sifat-sifat Yang Mustahil Pada Rasul	7
• Sifat-sifat Yang Harus Pada Rasul	7
<b>Percaya Kepada Malaikat</b>	<b>7</b>
<b>Percaya Kepada Kitab-kitab Allah</b>	<b>8</b>
<b>Percaya Kepada Hari Akhirat</b>	<b>9</b>
<b>Percaya Kepada Qada' Dan Qadar</b>	<b>9</b>
<b>Perkara Yang Merosakkan Iman</b>	<b>9</b>

<b>Bersuci</b>	<b>11</b>
• Jenis-jenis Najis dan Cara Menyucikannya	11
• Najis-Najis Yang Dimaafkan	12
• Mandi Wajib	12
<b>Air Sembahyang (Wuduk)</b>	<b>14</b>
• Hukum Wuduk	14
• Perkara Yang Membatalkan Wuduk	14
• Kesempurnaan Wuduk	14
• Perkara-perkara Sunat Ketika Berwuduk	15
• Cara-cara Mengambil Wuduk (Bergambar)	16
• Perkara-perkara Yang Membatalkan Air Sembahyang	20
<b>Sembahyang</b>	<b>20</b>
• Niat Sembahyang Yang Difardukan	20
• Rukun-rukun Sembahyang	21
• Syarat-Syarat Sah Sembahyang	22
• Syarat-syarat Wajib Sembahyang	23
• Waktu-waktu Sembahyang	23
• Catatan: Fajar Ada Dua	24
• Cara Mengerjakan Sembahyang (Bergambar)	25
<b>Puasa</b>	
• Kebaikan berpuasa	40
• Syarat-syarat Wajib Berpuasa	40
• Rukun Puasa	40
<b>Zakat Fitrah</b>	<b>41</b>
• Kebaikan Mengeluarkan Zakat Fitrah	41
• Syarat-syarat Wajibnya	41
• Kadar Yang Dikeluarkan	42
• Masa Untuk Mengeluarkan Fitrah Itu	42
• Rukun Fitrah	43
• Golongan Yang Berhak Menerima Fitrah	43





### **PENGENALAN ISLAM**

Agama Islam adalah merupakan undang-undang Allah yang diturunkan ke atas para Rasul, mulai dari Adam hingga kepada Nabi Muhammad SAW, supaya disampaikan kepada manusia demi kebaikan seluruhnya.

#### **Rukun Islam Lima Perkara**

1. Mengucap dua kalimah syahadah: iaitu  
(أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ) ertinya adalah,  
“aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu Pesuruh Allah”.
2. Mengerjakan sembahyang lima waktu sehari semalam.
3. Mengeluarkan zakat.
4. Puasa di bulan Ramadan.
5. Mengerja Haji ke Baitullah kiranya mampu.

### **PENGENALAN IMAN**

Iman adalah kepercayaan hati dengan sebenar-benar percaya kepada sebarang hukum Allah, dan syariatnya yang dibawa dan

dianjur oleh Nabi Muhammad SAW.

### **Rukun Iman Enam Perkara**

1. Percaya kepada Allah.
2. Percaya kepada Rasul-Rasul Allah.
3. Percaya kepada Malaikat.
4. Percaya kepada Kitab Allah.
5. Percaya kepada Hari Akhirat.
6. Percaya kepada Qada' dan Qadar.

#### **1) Percaya kepada Allah**

Wajib atas setiap orang yang sampai umur 15 tahun atau telah bermimpi hubungan jenis atau keluar mani beriktihad (berpegang) teguh di dalam hati bahawa pencipta alam kita ialah Allah Taala yang bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan yang tiada langsung sifat-sifat kekurangan.

#### **Sifat-sifat Tuhan**

Dengan jalan memerhati kepada alam ini dapatlah fikiran kita mengambil keyakinan sifat-sifat Tuhan.

- i. Sifat-sifat yang tentu ada pada Tuhan (yang wajib)
  - ii. Sifat-sifat yang tentu tidak ada pada Tuhan (yang mustahil)
  - iii. Sifat-sifat yang mungkin ada dan tidak ada pada Tuhan (yang harus)
- i) Sifat-sifat Yang Wajib Pada Tuhan

Sifat-sifat ini memang banyak, semua sifat-sifat kesempurnaan maka itulah sifat yang wajib yang tentu ada pada Tuhan, tetapi yang wajib kita mengetahui dan mempelajari ialah:

1. <b>وُجُودٌ</b>	Ada
2. <b>قَدَمٌ</b>	Sedia
3. <b>بَقَاءٌ</b>	Kekal
4. <b>مُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ</b>	Berlainannya dari makhluk baru
5. <b>قِيَامُهُ بِنَفْسِهِ</b>	Bersendirian
6. <b>وَحْدَانِيَّةٌ</b>	Esa/ Satu
7. <b>حَيَاةٌ</b>	Hidup
8. <b>عَلْمٌ</b>	Mengetahui
9. <b>قُدْرَةٌ</b>	Kuasa
10. <b>إِرَادَةٌ</b>	Kehendak
11. <b>سَمْعٌ</b>	Mendengar
12. <b>بَصَرٌ</b>	Melihat
13. <b>كَلَامٌ</b>	Berkata

Apabila disebut Tuhan yang menjadikan alam pasti Tuhan itu mempunyai sifat-sifat yang tersebut.

Huraian ringkas:

- Ada : (Tuhan ada) dalilnya ada alam ini; kalau Tuhan tidak ada, tak kan ada alam ini.
- Sedia : (Ada Tuhan sedia kala tidak ada permulaannya), kalau Tuhan tidak ada sediakala tentu dia dijadikan maka tak kan dia Tuhan.
- Kekal : (Tuhan kekal) tidak rosak binasa, kalau binasa bukanlah Tuhan.
- Berlainan : (Tuhan berlainan dari makhluk yang baru), Tuhan bukan dari jenis benda dan tidak bersifat dengan sifat benda, kerana makhluk-makhluk yang baru ini boleh diringkaskan kepada dua perkara sahaja, pertama benda dan kedua sifat.

## **BAHAGIAN TAUHID**

- Bersendirian : (Tuhan bersendirian) tidak menumpang yang lain, kalau menumpang yang lain bukanlah dia Tuhan.
- Esa : (Tuhan satu) kalau Tuhan itu dua atau lebih maka bukanlah dia Tuhan, kerana ia kekurangan yang terpaksa menolong di antara satu sama lain.
- Hidup : (Tuhan hidup), bukanlah Tuhan itu benda-benda yang tidak hidup, mustahil Tuhan tidak hidup kerana Dia yang menjadikan segala-gala yang hidup.
- Mengetahui : (Tuhan mengetahui segala sesuatu) sama ada halus atau kasar sama ada diluar atau didalam, mengapa Dia tidak mengetahui? Sedangkan semua itu Dia yang menjadikan.
- Kuasa : (Tuhan Maha Kuasa) segala sesuatu dari alam dijadikan oleh Tuhan. Tidak ada sesuatu pun yang ada atau yang berlaku yang tidak terjadi oleh Tuhan.
- Kehendak : (Tuhan ada kehendak), segala sesuatu adalah mengikut kehendak Tuhan, sama ada hendak mengadakan atau mentiadakan, tidak ada sesuatu pun yang berlaku dengan tidak kehendak Tuhan. Bukan bererti bahawa Tuhan itu berhajat.
- Mendengar : (Tuhan mendengar), manusia dijadikan oleh Tuhan ada mempunyai pendengaran, tak kan pula Tuhan sendiri tidak mempunyai pendengaran, tetapi tidaklah seperti pendengaran manusia dengan telinga dan tertentu pada suara sahaja, Tuhan mendengar segala sesuatu sama ada suara atau bukan suara.
- Melihat : (Tuhan melihat), penglihatan Tuhan tidaklah seperti penglihatan mata dan tertentu pada benda-benda

yang berwarna sahaja, tetapi Tuhan melihat sesuatu sama ada yang berwarna atau tidak berwarna sama ada di dalam gelap atau terang.

Berkata : (Tuhan berkata), perkataan Tuhan tidak berhuruf dan bersuara.

#### ii) Sifat-sifat Mustahil Pada Tuhan

Sifat-sifat mustahil ialah sifat-sifat yang tertentu tidak ada pada Tuhan, iaitu sifat-sifat kekurangan, sifat-sifat ini lawan sifat-sifat wajib tadi, diantaranya ialah:

1. Tiada
2. Baru
3. Rosak (binasa)
4. Bersamaan dengan perkara baru
5. Menumpang yang lain
6. Berbilang-bilang, dua, tiga atau lebih
7. Mati
8. Jahil
9. Lemah
10. Dipaksa (dikerasi)
11. Tuli
12. Buta
13. Bisu

Sifat-sifat yang tersebut tidak ada pada Tuhan, kalau ada sifat-sifat itu tentu ia bukan Tuhan.

#### iii) Sifat Harus Bagi Tuhan

Sifat harus ertinya mungkin ada dan mungkin tidak ada pada Tuhan, sifat ini hanya satu sahaja, iaitu mengadakan alam ini atau meniadakannya, jelasnya: alam ini sebelum dijadikan

dahulu harus bagi Tuhan mengadakannya, dan sesudah adanya harus bagi Tuhan meniadakannya, kerana Tuhan mempunyai kehendak yang bebas tidak ada sesiapa yang memaksa Tuhan.

### 2) Percaya kepada Rasul-Rasul Allah

Wajib dan mesti tiap-tiap seseorang itu, berpegang teguh dihati bahawa Tuhan sendiri telah mengutus beberapa Rasul-rasul/ Pesuruh-pesuruh untuk menunjuk ajar manusia sekalian kepada jalan bahagia dunia dan akhirat. Rasul itu ialah manusia seperti kita juga hanya berbeza mereka itu tidak mengerjakan dosa sekali-kali dari masa sebelum menjadi Rasul lagi, kerana diri mereka itu terpelihara/ terkawal dari mengerjakan dosa.

Para Rasul ramai, wajib diketahui nama mereka itu satu-persatu ialah seramai 25 orang iaitu:

- |              |             |              |          |              |
|--------------|-------------|--------------|----------|--------------|
| 1. Adam      | 2. Idris    | 3. Nuh       | 4. Hud   | 5. Saleh     |
| 6. Ibrahim   | 7. Luth     | 8. Ismail    | 9. Ishak | 10. Ya'kub   |
| 11. Yusuf    | 12. Ayyub   | 13. Syuaib   | 14. Musa | 15. Harun    |
| 16. Zulkifli | 17. Daud    | 18. Sulaiman | 19. Ilya | 20. Ilyasa'  |
| 21. Yunus    | 22. Zakaria | 23. Yahya    | 24. Isa  | 25. Muhammad |

Rasul-rasul yang dipilih oleh Tuhan untuk menyampaikan hukum-hukum kepada manusia itu mempunyai sifat-sifat kelayakan untuk memegang jawatan tertinggi dan menjalankan tugas yang mulia.

#### i. Sifat-Sifat Yang Wajib/ Pasti Ada Pada Rasul

- |            |                |
|------------|----------------|
| 1. Siddiq  | : Benar        |
| 2. Amanah  | : Kepercayaan  |
| 3. Tabligh | : Menyampaikan |
| 4. Fatonah | : Bijak/Pintar |

**ii. Sifat-sifat Yang Mustahil Pada Rasul**

Sifat-sifat yang tentu tidak ada pada Rasul, iaitu berlawanan daripada empat sifat yang wajib. Di antaranya:

1. Menyembunyikan
2. Bohong
3. Mengkhianati
4. Bodoh

**iii. Sifat-sifat Yang Harus Pada Rasul**

Kita telah ketahui bahawa semua Rasul-rasul itu adalah dari jenis manusia juga dipilih oleh Allah SWT untuk menyampaikan hukum-hukum kepada seluruh umat manusia di alam bumi ini, maka sudah tentu Rasul-rasul itu mempunyai sifat-sifat mulia yang melayakkan mereka memegang jawatan kerasulan itu dan suci dari sifat-sifat rendah yang berlawanan dengan jawatan itu. Walaubagaimanapun bila manusia tetap manusia juga tidak berubah kepada jenis Malaikat atau lainnya.

Selain daripada sifat-sifat keistimewaan kerasulan itu maka Rasul-rasul juga berkeadaan dengan sifat-sifat manusia biasa, mereka berkahwin, bekerja, mereka mengalami kesakitan, kesusahan dan sebagainya. Ini semuanya harus terdapat pada Rasul-rasul bahkan perkara ini menjadi pengajaran dan teladan kepada umat mereka, kecuali sifat-sifat yang menjatuhkan imej martabat kerasulan dan yang menjejaskan tugas-tugas mereka.

**3) Percaya kepada Malaikat**

Hendaklah kita mempercayai betapa ramainya makhluk malaikat, dan yang wajib diketahui ialah 10 malaikat, di antaranya ialah:

## **BAHAGIAN TAUHID**

1. Jibril : Menyampaikan wahyu Allah kepada Rasul-rasul.
2. Mikail : Menguruskan rezeki-rezeki segala hamba Allah dan menurunkan hujan.
3. Israfil : Meniup sangkakala.
4. Izrail : Mengambil nyawa sekalian makhluk.
5. Raqib : Mencatat amal kebaikan manusia yang berada di sebelah kanan manusia.
6. Atid : Mencatat amal kejahatan manusia yang berada di sebelah kiri manusia.
7. Munkar dan
8. Nakir : Keduanya menyoal (menanya) orang-orang yang telah mati.
9. Ridhwan : Menjaga syurga.
10. Zabaniah : Menjaga neraka.

### **4) Percaya kepada Kitab-Kitab Allah**

Allah SWT menurunkan beberapa kitab undang-undangnya kepada para Rasul untuk panduan dan ikutan para Rasul sendiri dan umatnya masing-masing. Kitab-kitab itu adalah banyak tetapi yang wajib diketahui hanya empat buah:

1. Kitab Taurat : Diturunkan kepada Nabi Musa a.s.
2. Kitab Zabur : Diturunkan kepada Nabi Daud a.s.
3. Kitab Injil : Diturunkan kepada Nabi Isa a.s.
4. Al-Quran : Diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Di antara semua kitab-kitab yang diturunkan, hanya Al-Quran yang menjadi panduan kita umat Nabi Muhammad SAW. Ini kerana ianya diturunkan untuk kita sekalian sedangkan kitab-kitab lain yang diturunkan sebelum Al-Quran adalah untuk ikutan umat - umat yang terdahulu. Tambahan pula kitab-kitab

itu sudah tidak ada lagi yang asalnya kerana telah dipinda-pinda oleh golongan yang tertentu dengan sebab-sebab yang tertentu.

#### **5) Percaya kepada Hari Akhirat**

Wajib dan mesti setiap seorang berpegang teguh dengan tidak ragu-ragu lagi: bahawa Hari Akhirat tetap ada, di sana terdapat huru hara yang dahsyat bagi mereka yang menderhakakan Allah, dan mendapat perlindungan bagi mereka yang mengikuti perintah Allah. Di sanalah berlaku hisab ditimbang amalan-amalan manusia, jika didapati amalan kebaikan terlebih banyak pasti orang itu mendapat bahagia ditempatkan mereka di dalam syurga selama-lamanya tetapi jika didapati amalan-amalan jahat yang terlebih banyak dilakukan maka orang itu akan dimasukkan ke dalam neraka mengikut kadar masa yang tertentu, dan orang-orang kafir terus kekal buat selama-lamanya.

#### **6) Percaya kepada Qada' dan Qadar**

Setiap seorang wajib dan mesti iktiqad (berpegang teguh hatinya) bahawa segala-gala perkara yang berlaku adalah daripada Allah, Allah menentukan dan menetapkannya.

### **PERKARA YANG MEROSAKKAN IMAN**

Perkara yang merosakkan iman dan yang boleh menjadikan kafir murtad seseorang itu ada tiga perkara:

- i. Rosak dengan sebab iktiqad (pegangan hati)
- ii. Rosak dengan sebab perbuatan
- iii. Rosak dengan sebab perkataan

## **BAHAGIAN TAUHID**

Iman seseorang akan rosak dengan sebab pegangan hati, seperti syak (ragu-ragu) tentang adanya Allah, atau ragu-ragu tidak ada bandingannya dengan makhluk yang baru, atau ragu-ragu tentang Nabi Muhammad SAW itu Pesuruh Allah atau tidak, atau ragu-ragu tentang Hari Kiamat (Hari Akhirat), syurga, neraka, balasan tersedia atau tidak dan sebagainya.

Iman seseorang akan rosak dengan sebab perkataan seperti bersenda-senda dengan nama Allah, bersenda-senda dengan janji pahala (balasan baik) dan janji mempermainkan hukum-hukum Allah, menghina syariat Nabi Muhammad SAW serta menghina al-Quran dan hadis.

Bila menjadi kafir murtad dengan salah satu daripada tiga perkara yang tersebut itu wajiblah ia segera kembali kepada Islam pada ketika itu juga dengan mengucap dua kalimah syahadah serta bertaubat dan minta ampun kepada Allah dengan kesalahan yang telah dilakukan atau berkata atau syak/ragu-ragu. Kalau tidak maka dia jadilah seorang kafir yang akan menerima balasan neraka yang kekal selamanya.



### 1. Bersuci

Orang-orang Islam hendaklah menyucikan tubuh badan, pakaian, makanan, tempat tinggal dan sebagainya daripada kotoran atau najis mengikut cara Islam.

#### l) Jenis-Jenis Najis dan Cara Menyucikannya

- a) **Mughallazah** : Najis ini adalah najis yang berat. Najis ini terdiri daripada anjing dan babi serta benda-benda yang terjadi daripadanya. Antara contoh najis ini ialah air liur, peluh, daging, bulu dan benda yang diperbuat daripada haiwan itu.

Cara menyucikan najis mughallazah pula, mula-mula bersihkan bahagian yang terkena najis. Basuh sebanyak tujuh kali. Sekali daripadanya mesti menggunakan tanah bersih yang dicampur dengan air. Gunakan air mutlak untuk membuat basuhan seterusnya (sebanyak enam kali) sehingga hilang bau, warna dan rasa.

- b) **Mukhaffafah** : Najis mukhaffafah adalah najis yang ringan. Contoh najis ini ialah air kencing kanak-kanak lelaki berusia

di bawah dua tahun yang tidak makan atau minum sesuatu yang lain selain susu ibu.

Cara menyucikan najis mukhaffafah, basuh bahagian yang terkena najis dan lap. Percikkan air di tempat yang terkena najis dan lap dengan kain bersih sehingga kering.

- c) **Mutawassitah** : Najis mutawassitah adalah najis yang sederhana. *Contoh najis ini ialah darah, nanah, muntah, najis manusia dan bangkai.*

Cara menyucikan najis mutawassitah ini basuh dengan menggunakan air bersih hingga hilang warna, bau dan rasa najis tersebut. Sebaik-baiknya basuh sehingga tiga kali dengan air mutlak.

### II) Najis-najis Yang Dimaafkan

- a. Sedikit darah.
- b. Sedikit nanah.
- c. Sedikit danur (darah yang bercampur tanah)
- d. Sedikit darah kutu.
- e. Sedikit tahi lalat.
- f. Mengenai bangkai binatang yang tiada darah yang mengalir sekiranya dikerat anggotanya pada masa dia hidup, seperti lalat, jika ianya terjatuh ke dalam sesuatu yang cair seperti air biasa/ air teh dan sebagainya, bolehlah dibuang bangkai itu dan suci air yang tersebut.

### III) Mandi Wajib

Satu-satunya syarat sembahyang itu ialah suci daripada hadas besar, cara menyucinya ialah dengan mandi wajib dengan niat bersuci dari hadas itu. Dalam pada itu perlu diketahui sebab-sebab yang mewajibkan mandi.

a) Sebab-sebab Yang Mewajibkan Mandi Wajib

1. Melakukan hubungan jenis sehingga ghaib hashafah.
2. Keluar mani dengan bermimpi atau lainnya.
3. Mati yang selain daripada mati syahid.
4. Didatangi haid (darah kotor wanita) sekurang-kurangnya dalam masa sehari semalam sebanyak-banyaknya 15 hari lima belas malam, biasanya enam hari enam malam.
5. Nifas (darah yang keluar selepas bersalin) sekurang-kurangnya sekelip mata sebanyak-banyak 60 hari enam puluh malam.
6. Wiladah (darah bersalin ketika melahirkan anak).

b) Fardu Mandi Wajib

Pertama : Niat pada permulaan basuh di mana jua badan atau anggota.

Lafaz niat “Sahaja aku menyucikan hadas yang besar daripada sekalian badan, wajib atas ku kerana Allah Taala”.

Kedua : Meratakan air yang mengalir pada sekalian badan dan anggota termasuk rambut, bulu dan di mana jua celah-celah, seperti di celah-celah telinga, pusat, rongga-rongga depan belakang yang dikira lahir, dan perlu duduk ketika membasuh di sebelah bawah dan perlu lapik tapak tangan dengan umpama kain basahan ketika menggosok kemaluan dan sebagainya daripada perkara-perkara yang membatalkan air sembahyang, gunanya supaya dapat kita tunaikan sembahyang dengan mandi wajib ini dengan tidak mengambil air sembahyang.

### 2. Air Sembahyang (Berwuduk)

Wuduk ialah salah satu cara untuk menyucikan diri daripada hadas kecil. Jika air tiada atau tidak mencukupi, maka wuduk boleh diganti dengan tayammum. Pengertian wuduk pada syarak ialah membasuh atau menyapu anggota tertentu yang dimulakan dengan niat.

#### I) Hukum Wuduk

Hukum berwuduk adalah **wajib** ketika hendak mengerjakan ibadah tertentu yang dimulakan dengan niat. Dan **sunat** ketika hendak mandi wajib, membaca al-Quran, hadis atau buku, ketika hendak tidur, ketika marah dan sebagainya.

#### II) Perkara Yang Membatalkan Wuduk

- 1) Keluar sesuatu dari dua jalan (qubul atau dubur).
- 2) Hilang akal, sama ada sementara atau kekal.
- 3) Bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
- 4) Menyentuh kemaluan atau pintu dubur dengan telapak tangan.
- 5) Tidur, kecuali apabila dalam keadaan duduk dan tidak berubah kedudukannya.
- 6) Murtad

#### III) Kesempurnaan Berwuduk

- 1) Mendahulukan bahagian tubuh yang sebelah kanan
- 2) Mengulangi membasuh setiap anggota wuduk sebanyak 3 kali
- 3) Tidak berkata-kata
- 4) Menghadap kiblat
- 5) Berniat
- 6) Membaca basmalah
- 7) Membasuh telapak tangan hingga ke pergelangan
- 8) Berkumur

- 9) Menggosok gigi (bersiwak)
- 10) Membersihkan hidung
- 11) Membasuh muka
- 12) Membasuh tangan hingga ke siku
- 13) Mengusap sebahagian kepala
- 14) Mengusap kedua telinga; luar dan dalam
- 15) Membasuh kaki hingga ke buku lali
- 16) Membaca doa sesudah berwuduk
- 17) Bersolat sunat wuduk sebanyak 2 raka'at.
- 18) Tertib (berurutan)


#### IV) Perkara-perkara Sunat Ketika Berwuduk

Menghadap ke arah Kiblat.

- 1) Membaca “Auuzubillah himinasyaitonirrajim” dan “Bismillahirrahmannirrahim”.
- 2) Membasuh kedua telapak tangan hingga ke pergelangan tangan sebelum berwuduk.
- 3) Berkumur atau bersugi.
- 4) Memasukkan sedikit air ke dalam hidung untuk membersihkannya dan mengeluarkannya kembali.
- 5) Menyapu air ke kepala.
- 6) Memusing-musingkan cincin jika ada di jari.
- 7) Menjelai-jelai janggut atau misai dengan air sehingga rata.
- 8) Menjelai jari-jari tangan dan kaki.
- 9) Mendahulukan basuhan anggota kanan daripada yang kiri.
- 10) Mengulang 3 kali setiap basuhan.
- 11) Jangan meminta bantuan orang lain seperti tolong menuangkan air sewaktu berwuduk.
- 12) Jangan mengelap atau mengeringkan anggota wuduk dengan kain atau sebagainya.
- 13) Elakkan percikkan air jangan sampai jatuh semula ke bekas atau ketimba.
- 14) Berjimat ketika menggunakan air.
- 15) Jangan berkata-kata atau bersembang ketika mengerjakan wuduk.
- 16) Membaca doa selepas wuduk setelah selesai berwuduk.

**CARA-CARA MENGAMBIL AIR SEMBAHYANG**

**1**




Gambar Rajah 1

Membasuh kedua tangan, sekurang-kurangnya tiga kali.


Berkumur-kumur serta menghisap air ke hidung, sekurang-kurangnya tiga kali.

**2**



Gambar Rajah 2

**3**




Gambar Rajah 3

Membasuh muka, sekurang-kurangnya tiga kali beserta dengan niat.

Niat ketika membasuh muka:

نَوَيْتُ الْوُضُوءَ لِرَفْعِ الْحَدَثِ الْأَصْغَرِ فَرَضًا لِلَّهِ تَعَالَى


“Sahaja aku mengambil wuduk bagi mengangkat hadas kecil fardu kerana Allah Taala”.



Gambar Rajah 4


Membasuh tangan kanan hingga ke siku sekurang-kurangnya tiga kali.

Membasuh tangan kiri hingga ke siku sekurang-kurangnya tiga kali.



Gambar Rajah 5

**6**




Gambar Rajah 6

Menyapu air di kepala sekurang-kurangnya tiga kali.


Menyapu air pada dua telinga, sekurang-kurangnya tiga kali.

**7**




Gambar Rajah 7

**8**



Gambar Rajah 8

Membasuh kaki kanan hingga buku lali, sekurang-kurangnya tiga kali.



Gambar Rajah 9

Membasuh kaki kiri hingga buku lali, sekurang-kurangnya tiga kali.

V) Sunat Membaca Doa Setelah Selesai Berwuduk

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ  
الْمُتَّطَهِّرِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ.

**Maksudnya:**

Aku mengakui bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah! Tuhan yang Esa, tiada sekutu baginya. Aku mengaku bahawa sesungguhnya Muhammad itu adalah hamba-Nya dan Pesuruh-Nya. Ya Allah! Jadikanlah Aku daripada orang-orang yang bertaubat, dan jadikanlah Aku daripada orang-orang yang bersih serta jadikanlah daku daripada golongan hamba-Mu yang soleh.

### VI) Perkara-perkara Yang Membatalkan Air Sembahyang

1. Keluar sesuatu daripada salah satu dua jalan (kubul atau dubur) melainkan mani, (keluar mani tidak membatalkan air sembahyang), tetapi mewajibkan mandi dengan niat menyuci hadas yang besar.
2. Tidur yang tidak tetap dua papan punggung di tempat duduk tetapi tidur tetap dua punggung tidak membatalkan.
3. Hilang akal dengan sebab tidur atau mabuk atau lainnya.
4. Bersentuh kulit lelaki dengan kulit wanita yang dibenar kahwin dengannya yang sampai had ada keinginan nafsu.
5. Bersentuh kemaluan atau halqah dubur manusia dengan tapak tangan atau perut anak jari.

### 3. Sembahyang

Sembahyang merupakan perbuatan keagamaan yang bermaksud mendekati diri kepada Pencipta. Allah telah mewajibkan seseorang muslim itu untuk menunaikan sembahyang yang telah difardukan lima waktu setiap sehari semalam. Sesiapa yang meninggalkan sembahyang fardu ini adalah berdosa.

#### I) Niat sembahyang yang difardukan

1. Sembahyang fardu Subuh dua rakaat.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

2. Sembahyang fardu Zuhur empat rakaat.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

3. Sembahyang fardu Asar empat rakaat.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

4. Sembahyang fardu Maghrib tiga rakaat.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

5. Sembahyang fardu Isya' empat rakaat.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

## II) Rukun-Rukun Sembahyang

1. Niat, qasad mengerjakan fardu sembahyang dengan tulus ikhlas semata-mata kerana Allah Taala, sunat berlafaz niat seperti:  
*“aku sembahyang fardu Zuhur empat rakaat kerana Allah taala”* atau *“aku sembahyang fardu Jumaat dua rakaat mengikut Imam kerana Allah Taala”* kiaslah niat sembahyang-sembahyang yang lain.
2. Berdiri tegak bagi orang-orang yang kuasa berdiri.
3. Takbiratul ihram, iaitu berkata: “ اللهُ اكبر ” ketika memulakan sembahyang.
4. Membaca Surah al-Fatihah.
5. Rukuk serta thoma'ninah.
6. Iktidal serta thoma'ninah.
7. Sujud dua kali serta thoma'ninah di dalam tiap rakaat.
8. Duduk di antara dua sujud disertai thoma'ninah.
9. Duduk kerana membaca tasyahud akhir (tahiyyat akhir).
10. Membaca tahiyyat akhir.

11. Selawat atas Nabi SAW berikutan tahiyyat akhir.
12. Memberi salam.
13. Tertib (tunaikan dengan teratur daripada awal hingga akhirnya).

### III) Syarat-Syarat Sah Sembahyang

1. Suci daripada hadas besar dan hadas kecil.
2. Suci badan, pakaian dan tempat sembahyang daripada najis yang tidak dimaafkan.
3. Menutup aurat di antara pusat dan lutut bagi lelaki dan bagi wanita mesti ditutup meliputi seluruh anggota dan badan melainkan muka dan tangan sampai kepada pergelangan tangan.
4. Menghadap kiblat (menghadap dada dan badan ke arah kiblat).
5. Mengetahui masuk waktu sembahyang dengan yakin atau dzan.

Apabila seseorang menunaikan sembahyang dengan cukup perkara-perkara yang tersebut diatas adalah sembahyangnya dikira sah/ diterima oleh Allah, tetapi jika sebaliknya seperti sembahyang dengan tidak berwuduk atau tidak ada air sembahyang, atau sembahyang dengan najis pada badan, pakaian dan tempatnya, atau sengaja membuka aurat (anggota yang mesti ditutup) atau sembahyang sebelum tentu masuk waktu maka sembahyang-sembahyang itu tidak sah.

#### IV) Syarat-syarat Wajib Sembahyang

1. Islam.
2. Baligh (cukup umur 15 tahun atau bermimpi hubungan jenis) atau keluar mani dan turun darah haid pada perempuan.
3. Berakal atau tidak gila.
4. Suci daripada haid dan nifas bagi wanita.

Oleh itu, tidak sah dan tidak diterima sembahyang orang yang bukan Islam, tidak wajib sembahyang kanak-kanak yang belum sampai umur dan orang-orang yang gila dan begitu juga wanita-wanita yang didatangi darah kotor, dan apabila berhenti keluar darah nanti barulah wajib sembahyang, dan mana-mana sembahyang yang ditinggalkan di dalam masa kotor itu tidak wajib di qada'/ tidak wajib dilakukannya kembali.

#### V) Waktu-waktu Sembahyang

1. Waktu Subuh : Mulai terbit fajar yang kedua hingga naik matahari.
2. Waktu Zuhur : Mulai matahari condong ke barat sampai jadi bayang-bayang sesuatu sama panjang dengan sesuatu yang tersebut, dan ditolak bayang rambang (iaitu bayang pada masa matahari ditengah-tengah langit jika ada).
3. Waktu Asar : Mulai dari akhir waktu Zuhur sampai masuk matahari.
4. Waktu Maghrib : Mulai dari masuk matahari sampai hilang cahaya merah dilangit.

5. Waktu Isyak : Mulai hilang cahaya merah sampai terbit fajar yang kedua.

### VI) Catatan : Fajar Ada Dua

1. Fajar Kazab (fajar yang tidak menandakan waktu Subuh), sebelum masuk waktu Subuh cahayanya memancar dari sebelah timur naik ke atas.
2. Fajar Sodik (fajar benar), cahayanya menjelang di kaki langit sebelah timur menandakan masuknya waktu Subuh.

### VII) Jadual Waktu Sembahyang

Waktu-waktu sembahyang mengikut hitungan jam, lihatlah selalu jadual waktunya di dalam takwim Islam yang dikeluarkan pada tiap-tiap tahun.

## CARA MENERJAKAN SEMBAHYANG

1 - Berdiri tegak beserta dengan niat

أُصَلِّيَ فَرَضَ الصُّبْحِ رَكَعَتَيْنِ آدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku sembahyang fardu Subuh dua rakaat tunai kerana Allah taala”.

2 -Takbiratul Ihram

اللَّهُ أَكْبَرُ



## 3 - Doa Iftitah

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ  
 اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. وَجْهَهُ وَجْهِي لِلَّذِي  
 فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا مُسْلِمًا  
 وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ. إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي  
 وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. لَا شَرِيكَ  
 لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Allah Maha Besar sebesar-besarnya. Dan puji-pujian bagi Allah  
 sebanyak-banyaknya. Dan Maha Suci Allah siang dan malam.  
 Kuhadapkan mukaku, kepada yang menjadikan langit dan bumi,  
 aku cenderung lagi berserah kepada Allah dan bukanlah aku dari  
 golongan orang-orang yang menyekutukan Allah. Sesungguhnya  
 sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku kuserahkan hanya  
 pada Allah Tuhan seru sekalian alam. Sekali-kali tidaklah aku  
 menyekutukanNya. Dan dengan demikian aku ditugaskan, dan aku  
 adalah dari golongan orang-orang Muslim (Islam).

## 4 - Membaca Surah Al-Fatihah dan Surah Pilihan

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ،  
 مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ، إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ،  
 اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ، صِرَاطَ الَّذِينَ  
 أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ، غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ  
 وَلَا الضَّالِّينَ، آمِينَ.



**5 - Ruku'**

**سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ**

Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung Dan Dengan Memuji-Nya.  
(Tiga kali)



**6 - Iktidal**

سَمِعَ اللَّهُ مِنْ حَمْدِهِ

*Semoga Allah Mendengar ( Menerima ) Pujian Orang Yang  
Memuji-Nya ( Dan Membalasnya ).*

Ini semasa mula-mula bangkit dari rukuk



## رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ

*Wahai Tuhan Kami! Hanya Untuk Mu Segala Puji.*

Ini semasa berdiri betul-betul dan menjatuhkan dua tangan ke bawah semula.



7 - Sujud

اللَّهُ أَكْبَرُ  
سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَىٰ وَبِحَمْدِهِ

Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi Dan  
Dengan Memuji-Nya.  
(Tiga kali)




**8 - Duduk Di antara Dua Sujud**

اللَّهُ أَكْبَرُ

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْنِي وَارْزُقْنِي  
وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَأَعْفُ عَنِّي

*Tuhanku ampunilah aku, dan sayangilah aku, dan cukupkanlah  
kekuranganku, dan tinggikan darjatku, dan berikanlah aku rezeki,  
dan tunjukkanlah aku, dan sihatkanlah aku, dan ampunilah aku.*



## 9 - Tahiyat Awal

اَلتَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ  
 لِلّٰهِ. اَلسَّلَامُ عَلَيكَ اَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَتُ  
 اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ. اَلسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ  
 اللّٰهِ الصَّالِحِينَ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ.  
 وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللّٰهِ. اللّٰهُمَّ  
 صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Salam dan sejahtera, sembah bakti dan segala kebaikan bagi Allah. Salam atas mu wahai Nabi dan rahmat Allah dan keberkatanNya. Demikian pula mudah mudahan dianugerahkan kepada kita dan kepada segenap hamba-hambaNya yang soleh. Aku mengaku bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah. Dan aku mengaku bahawa Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah. Ya Allah berilah rahmat dan kesejahteraan kepada junjungan kita Nabi Muhammad.



**10 - Tahiyat Akhir**

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ  
 السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ  
 وَبَرَكَاتُهُ. السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ  
 الصَّالِحِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ  
 مُحَمَّدًا رَسُولَ اللَّهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا  
 مُحَمَّدٍ. وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Salam dan sejahtera, sembah bakti dan segala kebaikan bagi Allah. Salam atas mu wahai Nabi dan rahmat Allah dan keberkatanNya. Demikian pula mudah mudahan dianugerahkan kepada kita dan kepada segenap hamba-hambaNya yang soleh. Aku mengaku bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah. Dan aku mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Ya Allah berilah rahmat dan kesejahteraan kepada junjungan kita Nabi Muhammad dan keluarga Muhammad. Seperti apa yang telah Engkau anugerahkan kesejahteraan kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Dan berkatilah



Muhammad dan keluarga Muhammad. Seperti yang Engkau berkati Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Tinggi.

11- Salam

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

*Semoga keselamatan, rohmat dan berkah ALLAH selalu melimpah untuk kamu sekalian.*

Sambil berpaling ke kanan

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Sambil berpaling ke kiri



**Lafaz Qunut (dibaca semasa solat Subuh sahaja)**

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيمَنْ  
 عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيمَا  
 أَعْطَيْتَ، وَفِي شَرِّمَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي  
 وَلَا يُقْضَىٰ عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، وَلَا  
 يَعْزُزُّ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ  
 الْحَمْدُ عَلَىٰ مَا قَضَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ،  
 وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ  
 وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Ya Allah, tunjukkanlah akan aku sebagaimana mereka yang telah Engkau tunjukkan. Dan berilah kesihatan kepadaku sebagaimana mereka yang Engkau telah berikan kesihatan. Dan peliharalah aku sebagaimana orang yang telah Engkau peliharakan. Dan berilah keberkatan bagiku pada apa-apa yang telah Engkau kurniakan. Dan selamatkan aku dari bahaya kejahatan yang Engkau telah tentukan. Maka sesungguhnya Engkaulah yang menghukum dan bukan kena hukum. Maka sesungguhnya tidak hina orang yang Engkau pimpin. Dan tidak mulia orang yang Engkau memusuhinya, Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan Maha tinggi Engkau, Maha bagi Engkau segala pujian di atas yang Engkau hukumkan, Ku memohon ampun dari Engkau dan aku bertaubat kepada Engkau, (Dan semoga Allah) mencurahkan rahmat dan sejahtera ke atas junjungan kami Nabi Muhammad, keluarga dan sahabatnya.

Sesudah sujud yang kedua itu hendaklah dilakukan seperti contoh yang tersebut pada rakaat yang berikutnya, iaitu yang kita berdiri, membaca Fatihah, rukuk, yang kita berdiri (iktidal) dan segala-gala pada bacaan-bacaannya pada tempat-tempat masing-masing, kemudian hendaklah membaca Qunut serta angkat dua belah tangan menadah pada sembahyang fardu Subuh jua (tidak membaca Qunut pada sembahyang-sembahyang fardu yang lain.

Demikian bacaan Qunut ketika sembahyang Subuh seorang diri, tetapi bila sembahyang beramai-ramai (berjemaah) hendaklah dibaca seperti berikut:

1. Dibaca oleh Imam sahaja, sedangkan makmum dibelakangnya mengucapkan **أَمِينَ**

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيْمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيْمَنْ عَافَيْتَ،  
وَتَوَلَّنَا فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لَنَا فِيْمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا  
شَرِّمَا قَضَيْتَ

2. Kemudian masing-masing membaca

فَإِنَّكَ تَقْضِيْ وَلَا يَقْضِيْ عَلَيَّكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ،  
وَلَا يَعْزُ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَالِكَ الْحَمْدُ  
عَلَى مَا قَضَيْتَ، نَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ، وَصَلَّى اللهُ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Kemudian turun sujud, duduk antara dua sujud, sujud pula serta bacaan-bacaannya pada tempat-tempat masing-masing, duduk membaca tahiyat bagaimana contohnya pada gambar membaca tahiyat akhir akan datang, dan seterusnya sehingga memberi salam. Demikian cara sembahyang fardu Subuh.

Tidak ada perbezaan diantara sembahyang-sembahyang fardu yang lima tentang perbuatan-perbuatan dan bacaan-bacaan pada tiap-tiap rakaat, kecuali sedikit jua perbezaannya seperti berikut:

### **1. Niat-niat sembahyang**

- a. Aku sembahyang fardu Zuhur empat rakaat tunai kerana Allah Taala.
- b. Aku sembahyang fardu Asar empat rakaat tunai kerana Allah Taala.
- c. Aku sembahyang fardu Maghrib tiga rakaat tunai kerana Allah Taala.
- d. Aku sembahyang fardu Isya' empat rakaat tunai kerana Allah Taala.

### **2. Bacaan Qunut**

Baca Qunut pada sembahyang fardu Subuh jua, tidak baca Qunut pada sembahyang fardu yang lain.

### 3. Baca tahiyat

- a. Bagi sembahyang fardu Zuhur, Asar dan Isya' baca tahiyat awal pada rakaat yang kedua dan baca tahiyat akhir pada rakaat yang keempat.
- b. Bagi sembahyang fardu Maghrib baca tahiyat awal pada rakaat yang kedua, baca tahiyat akhir pada rakaat yang ketiga.
- c. Bagi sembahyang fardu Subuh baca tahiyat satu kali pada rakaat yang akhir. Contoh membaca tahiyat awal/akhir bagaimana di sebelah.

#### Perkara Yang Membatalkan Sembahyang

1. Terkena najis pada badan, pakaian atau tempat.
2. Mengubah niat.
3. Berhadad besar atau hadad kecil.
4. Berpaling dada dari menghadap kiblat.
5. Murtad, iaitu keluar dari agama Islam. (Barang dijauhkan Allah).
6. Membuka aurat dengan sengaja.
7. Makan.
8. Minum.
9. Muntah.
10. Melompat/ memukul dengan kuat.
11. Sengaja melebihi rukun fi'li (perbuatan).
12. Bergerak tiga kali berturut-turut.
13. Mendahului daripada Imam dengan dua rukun perbuatan.
14. Atau terlambat daripada Imam dengan dua rukun perbuatan.
15. Berkata-kata dengan dua huruf atau lebih dengan sengaja.

### **4. Puasa**

Puasa ialah satu rukun dari rukun-rukun Islam yang lima, setiap orang Islam wajib menunaikan dengan sempurna.

#### **i) Kebaikan Berpuasa**

1. Dapat mendidik jiwa dan perasaan.
2. Dapat mengasuh perangai seseorang manusia.
3. Menguatkan rohani untuk menghalang dan mengalahkan kehendak hawa nafsu.
4. Memberi kesihatan kepada tubuh badan.
5. Menginsafkan diri terhadap kesulitan-kesulitan orang-orang miskin dan susah.

#### **ii) Syarat-syarat Wajib Berpuasa**

1. Orang Islam.
2. Berakal waras.
3. Cukup umur, tetapi sunat dilatihkan kanak-kanak supaya berpuasa.
4. Suci daripada haidh atau nifas.
5. Kuasa berpuasa, iaitu tidak ditimpa oleh sakit kuat atau terlalu tua.

#### **iii) Rukun Puasa**

1. Niat di waktu malam: “Umpamanya sengaja aku menunaikan puasa Ramadan esok kerana Allah Taala”.
2. Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti makan, minum, hubungan jenis dan memasukkan sesuatu ke dalam rongga.

## Peringatan

Orang-orang perempuan yang datang darah haidh wajib dia meninggalkan puasa tetapi wajib pula ia menggantikannya apabila ia suci nanti dengan niat di waktu malam: “sengaja aku berpuasa esok hari qada’ fardu Ramadan kerana Allah Taala”.

## 5. Zakat Fitrah

Pengenalan dan hukumnya

Zakat fitrah atau pernah juga disebut zakat badan, ialah mengeluarkan makanan-makanan tertentu untuk diberikan kepada golongan tertentu dengan sebab tamat bulan Ramadan pada tiap-tiap tahun. Hukum mengeluarkan zakat fitrah ini adalah wajib ke atas tiap-tiap orang Islam lelaki atau perempuan bila cukup syarat-syaratnya.

### i) Kebaikan Mengeluarkan Zakat Fitrah

1. Untuk memberi kegembiraan kepada orang-orang fakir dan miskin pada hari kebesaran Islam iaitu hari raya fitrah.
2. Menanam perasaan kasih mesra di antara satu sama lain.
3. Dapat menampung kecacatan yang mungkin berlaku pada ibadah puasa dan yang mengurangkan kesempurnaannya.

### ii) Syarat-Syarat Wajibnya

Zakat fitrah ini hanya wajib dikeluarkan oleh mereka yang mempunyai syarat-syarat tertentu seperti berikut:

1. Orang yang beragama Islam.

2. Orang yang merdeka dirinya, tidak wajib diatas hamba tetapi wajib di atas tuannya memberi fitrahnya.
3. Seseorang yang didapati hidup pada akhir bulan Ramadhan dan awal bulan Syawal. Oleh itu tidaklah wajib dikeluarkan zakat fitrah ke atas orang yang mati sebelum masuk bulan Syawal dan bayi yang lahir selepas masuk malam raya fitrah.
4. Mempunyai harta yang lebih daripada keperluan diri dan keluarga serta orang-orang di bawah tanggungannya pada hari raya dan malamnya yang kemudian dari hari raya.

### iii) Kadar Yang Dikeluarkan

Perkara yang mesti dikeluarkan untuk fitrah itu ditentukan dengan benda yang berupa makanan yang asasi dalam sesebuah negeri, seperti beras di Malaysia. Kadar yang mesti dikeluarkan bagi satu-satu fitrah itu ialah sebanyak satu gantang Baghdad, bersamaan dengan kira-kira 3 cupak  $1\frac{1}{2}$  kopi Malaysia atau mengikut timbangan seberat 4 kati 15 tahl.

**Peringatan:** Mengikut mazhab Hanafi fitrah itu harus dikeluarkan dengan wang sebanyak harga sukatan yang diwajibkan itu.

### iv) Masa Untuk Mengeluarkan Fitrah Itu

1. Masa wajib, iaitu mulai dari jatuh matahari akhir bulan Ramadan.
2. Masa harus, dari permulaan masuk bulan Ramadan hingga akhirnya.
3. Masa afdhal (utama), pada pagi hari raya sebelum keluar pergi sembahyang hari raya.

4. Masa makruh, selepas selesai sembahyang hari raya hingga jatuh matahari pada hari tersebut.
5. Masa haram, iaitu selepas berlalunya hari raya pertama, tetapi mesti dikeluarkan juga fitrah itu dengan secara qada'.

#### **v) Rukun Fitrah**

Perkara yang menjadi rukun dalam mengeluarkan fitrah itu ada dua perkara, iaitu:

1. Berniat mengeluarkan fitrah, sekurang-kurangnya niat itu ialah ingat dalam hati seperti: “inilah fitrah yang wajib keatas diriku kerana Allah taala”, kalau keluar fitrah dengan harga (wang), niat: “inilah harga fitrah RM..... yang wajib ke atas diriku atau yang wajib ke atas isteriku atau anakku atau sebagainya kerana Allah taala”.
2. Mengeluarkan fitrah itu kepada pihak-pihak yang berhak menerimanya. Dalam mengeluarkan fitrah itu boleh diwakilkan kepada orang lain untuk berniat dan mengeluarkannya.

#### **vi) Golongan Yang Berhak Menerima Fitrah**

1. Golongan fakir.
2. Golongan miskin.
3. Pengurus zakat atau yang disebut Amil.
4. Orang yang baru memeluk agama Islam.
5. Hamba-hamba yang hendak menebus diri dari tuannya.
6. Orang yang berhutang kerana mustahak.
7. Untuk pejuang-pejuang sukarela kerana menegakkan jalan Allah.
8. Orang-orang yang terlantar dalam perjalanan yang diharuskan.

**Catitan :**



# Pelajaran AMALAN ISLAM SEHARIAN

Penerbitan buku ini mengenengahkan pelajaran amalan harian dalam konsep tauhid dan ibadah yang mana setiap individu muslim itu wajib mempelajarinya. Di dalam buku ini disertakan juga gambar-gambar yang menarik sebagai panduan dan memudahkan para ibu bapa atau guru-guru untuk memberi pelajaran kepada anak atau murid mereka.

Dengan terbitnya buku ini, diharapkan pembaca dapat memahami konsep yang cuba disampaikan seterusnya dapat menghayati serta mempraktikkannya dengan baik dan sempurna untuk mendapat keberkatan Allah di dunia dan di akhirat

ISBN 978-983-2391-34-0



Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan  
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang Jalan Sultan Yahya Petra,  
15200 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-7481512 Faks: 09-7485512  
Portal Rasmi: [www.e-maik.my](http://www.e-maik.my) Email: [maik@e-maik.my](mailto:maik@e-maik.my)